

## Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia dilancar bulan depan

Oleh Siti Rohana Idris - Oktober 30, 2021 @ 4:47pm  
bhnews@bh.com.my



Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa (kiri) beramah mesra dengan Hasan Asat, 84 (tengah) sempena Program Keluarga Malaysia FINAS di Kampung Padang Lembek, Ketereh. - Foto NIK ABDULLAH NIK OMAR

KOTA BHARU: Proses transformasi 1,000 pusat internet komuniti di seluruh negara kepada Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) akan dilancarkan awal bulan depan, susulan daripada pembentangan Belanjawan 2022 semalam.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata,

PEDi yang dijenamakan semula daripada pusat internet komuniti sedia ada, akan memberi penekanan kepada penjana pendapatan dan membantu ekonomi rakyat.

Beliau berkata, fungsi pusat internet komuniti atau desa yang sebelum ini hanya menyediakan kemudahan capaian Internet kepada masyarakat luar bandar perlu berubah kepada melahirkan usahawan digital.

Katanya, pelancaran PEDI yang dijangka akan dibuat di Bera, Pahang itu akan lebih memfokuskan kegiatan ekonomi digital dalam kalangan penduduk luar bandar.

"Sebahagian daripada peruntukan yang disalurkan kepada kementeriannya akan digunakan untuk proses naik taraf pusat internet yang pada asalnya hanya menyediakan kemudahan internet asas kepada penduduk luar bandar.

"Kita sudah buat keputusan bahawa semua pusat internet desa perlu direkayasa semula kerana pada asalnya hanyalah menyediakan kemudahan internet secara asas tapi sekarang penekanan juga difokuskan kepada aplikasi yang boleh membawa kepada penjana pendapatan serta ekonomi rakyat.

"Sehubungan itu apa yang ditekankan sekarang bukan hanya capaian internet tetapi ekonomi digital supaya orang di luar bandar boleh menjurus kepada kegiatan ekonomi serta menambah pendapatan," katanya kepada media di sini, hari ini.

Annuar berkata, proses transformasi itu juga mendapat kerjasama daripada Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) yang akan menyediakan latihan serta modul kepada kursus e-dagang yang bakal dijalankan di semua PEDI.

Terdahulu, beliau hadir di Kampung Padang Lembek, Ketereh di sini melawat seorang bekas penggiat seni, Hasan Asat, 84 sempena Program Keluarga Malaysia Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Ahli Parlimen Ketereh itu juga dalam untuk rangka lawatan sempena Program Kembara Connectivity KKMM bagi melihat perkembangan beberapa kawasan yang sudah dinaiktaraf dari segi capaian internet iaitu daripada 3G kepada 4G.

Beliau berkata, pihaknya sedang menjalankan kerjasama dengan semua syarikat telekomunikasi untuk menaik taraf capaian internet di semua kawasan terutama lokasi yang diterima aduan.

"Kita galakkan orang ramai membuat aduan melalui portal Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan program kembara ini akan kita teruskan sepanjang masa secara rambang untuk melihat apa sebenarnya masalah yang dihadapi bagi memastikan tahap capaian internet dapat dinikmati dengan sebaiknya," katanya.